



## Majlis Pelancaran Kluster dan Jurnal Penyelidikan & Pendidikan KUKUM

**Usaha** yang telah diambil oleh Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM), melancarkan Kluster dan Jurnal Penyelidikan dan Pendidikan Kejuruteraan mendapat pujian dari Dato' Dr. Haji Shafie Haji Mohd Salleh, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia yang begitu bangga dengan pencapaian yang telah ditunjukkan oleh universiti tersebut walaupun masih baru di gelanggang Institut Pengajian Tinggi Awam negara.

Inisiatif dan daya usaha yang telah digembleng oleh para tenaga akademik KUKUM amat memberangsangkan. Ia menunjukkan universiti itu begitu serius dalam usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D), demikian menurut Dato' Dr. Haji Shafie ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Kluster dan Jurnal Penyelidikan dan Pendidikan Kejuruteraan di Kompleks Makmal KUKUM, Kampung Wai, Kuala Perlis, Perlis pada 24 Mac 2005 lalu.

"Secara ikhlas, saya amat bangga dengan kejayaan yang telah ditunjukkan oleh KUKUM setakat ini kerana walaupun masih baru di gelanggang pendidikan tinggi negara, ia sudah bergerak seiring dengan universiti-universiti awam yang lain. Kita mahu melihat agar setiap IPTA mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Secara kolektif iaitu melalui kesepaduan semua IPTA, kita akan mempunyai kekuatan yang akan disegani dan dihormati oleh orang lain"

"Kejayaan KUKUM merupakan refleksi kepada kejayaan IPTA di negara ini dan untuk itu marilah kita bersama-sama terus-menerus berganding bahu, merah keringat dan usaha dalam merealisasikan hasrat kepimpinan negara dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat atau 'hub' kecemerlangan pendidikan serantau dan antarabangsa"

"Setiap seorang daripada kita mempunyai peranan masing-masing yang perlu kita mainkan daripada Rektor hinggalah kepada kakitangan sokongan. Kita perlu saling menyokong antara satu sama lain melalui cara melaksanakan tugas dan tanggungjawab kita masing-masing dengan sebaik mungkin," ujar beliau sambil mengingatkan agar KUKUM terus berpegang teguh kepada matlamat asal penubuhannya.

Dato' Dr. Haji Shafie juga memuji pendekatan yang diambil oleh pihak pengurusan KUKUM dalam mengintegrasikan kursus-kursus akademik yang ditawarkan dengan penyelidikan dan pembangunan serta permintaan yang sangat diperlukan oleh industri, bukan sahaja di negara ini malah di peringkat antarabangsa. Beliau yakin KUKUM mampu melahirkan jurutera-jurutera yang mempunyai kemahiran praktikal dan kompeten melalui pendekatan pembelajaran barunya iaitu 'hands-on' atau 'lab intensive'.

Selain daripada itu, beliau juga mengingatkan dalam menuju kecemerlangan, warga KUKUM jangan sekali-kali terlupa untuk mendokumentasikan segala usaha penyelidikan yang telah dijalankan. Budaya mendokumentasikan segala hasil penyelidikan harus dilakukan secara sistematik dan tersusun agar segala usaha tenaga-tenaga akademik yang bertungkus-lumus menjalankan penyelidikan bertahun-tahun lamanya akan dapat dikongsi bersama dengan orang lain.

"Korpus ilmu ini perlu kita bina dan mantapkan bagi memastikan bahawa kita juga mempunyai budaya penyelidikan yang mantap dan berwibawa. Hasil penyelidikan yang telah dijalankan merupakan khazanah ilmu yang amat tinggi nilainya. Ia bukan sahaja boleh dijadikan panduan untuk segala persoalan kehidupan malah menjadi sumber rujukan bagi generasi-generasi yang akan datang tanpa tertakluk pada skala masa"

"Penyelidikan kita perlu membawa kebaikan merentas zaman. Ini merupakan ibadah kita yang amat besar yang boleh dimanfaatkan oleh orang lain. Saya juga mahu melihat tenaga akademik yang sedia ada di baik di KUKUM atau IPTA yang lain berfikir secara global dan tidak hanya memfokuskan kepada isu-isu dan persoalan-persoalan dalam negara semata-mata," akhiri beliau sambil mahu melihat jurnal penyelidikan tenaga akademik tempatan pula diguna pakai oleh para ilmuwan barat sebagai sumber rujukan ilmu.